

23 JUL 2001

Mahathir-Wanita

PERDANA MENTERI LANCAR KEMPEN WANITA BANTERAS KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan kempen Organisasi Wanita Membanteras Keganasan (Ombak) bagi meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya wanita mengenai isu keganasan yang berlaku dalam masyarakat.

Majlis ringkas itu berlangsung di ruang legar Stesen Sentral Kuala Lumpur di sini dan dihadiri oleh lebih 500 orang daripada pelbagai pertubuhan.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, isteri Timbalan Perdana Menteri Datin Seri Endon Mahmood dan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Ia merupakan program sulung Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga yang bercorak kempen di peringkat kebangsaan. Kementerian itu ditubuhkan pada 17 Jan lepas.

Kempen itu bagi menunjukkan suara lantang wanita Malaysia menentang keganasan dan merupakan satu contoh bagaimana wanita Malaysia mengambil langkah positif menentang segala bentuk keganasan terhadap mereka.

Ia menggariskan tindakan yang boleh diambil oleh mangsa dan juga anggota masyarakat untuk membantu membanteras keganasan.

Kempen itu akan dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai cara seperti melalui iklan, poster serta risalah.

Mereka yang terlibat dengan kempen itu akan bergerak ke akar umbi untuk memberi pendidikan dan kesedaran mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh kaum wanita sebagai ibu, isteri dan anak.

Mengikut statistik polis, sebanyak 2,413 kes keganasan terhadap isteri dan 1,217 kes rogol dilaporkan tahun lepas.

-- BERNAMA

RV MHI NZ MAI